



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Sinar Harian - Penyata Cukai Meragukan

Sinar Harian - Penyata Cukai Meragukan

🕒 Rabu, Apr 12 2017



SINAR HARIAN • RABU 12 APRIL 2017

NASION

Penyata cukai *meragukan*

Melibatkan 20 peratus syarikat yang berdaftar di bawah GST

INFO

● CBOS tahun
lalu, pungutan
cukai bertambah
RM1.5 bilion

KUCHING - Kira-kira 25,000 daripada lebih 437,000 syarikat yang berdaftar di bawah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) didapati masih tidak menghantar penyata pembayaran mereka kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.




Foto: BERNAMA

Ketua Pengarah Kastam, Datuk T Subromaniam berkata, daripada jumlah yang menghantar penyata itu pula, 20 peratus daripadanya didapati menampilkan penyata pembayaran cukai yang meragukan.

Katanya, syarikat berkenaan adalah antara yang akan dikunjungi pegawai kastam dalam Operasi CBOS 3.0, untuk tujuan tinjauan pemeriksaan, diberi nasihat, ditunjuk ajar dan dibantu membuat pembetulan sekiranya perlu.

Menurutnya, tinjauan juga dibuat bagi mengenal pasti mengapa ada syarikat tidak menghantar penyata kerana syarikat-syarikat berkenaan mungkin sudah tidak lagi beroperasi atau berpindah alamat, atau sebab-sebab lain.

"Sepanjang tahun ini, kita sa-



Subromaniam (kanan) berbincang sesuatu dengan pegawainya selepas merasmikan Operasi CBOS 3.0 Jabatan Kastam Diraja Negeri Sarawak, semalam.

sar kira-kira 200,000 syarikat akan dilawati, dan sekitar 200,000 lagi disasarkan tahun depan.

"Jumlah ini akan merangkumi sebahagian besar daripada keseluruhan syarikat registran GST dalam negara," katanya selepas melancarkan Operasi CBOS 3.0

Sarawak di Wisma Kastam di sini, semalam.

Subromaniam berkata, ia adalah kali ketiga CBOS yang menerapkan Strategi Lautan Biru dalam meningkatkan kecekapan pungutan hasil, menerusi pengukuhan kerjasama antara bahagian dan ne-

geri dalam Jabatan Kastam sendiri dilancarkan.

Menurutnya, menerusi CBOS tahun lalu, amaun pungutan bertambah RM1.5 bilion dan CBOS 3.0 diyakini memberi kesan berganda ke atas kecekapan pengurusan Kastam. - *Bernama*

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**